

**GURU SEBAGAI PAKAR : Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21**, Oleh James Ang Jit Eng dan Lim Siew Ngen. 2020. PTS Media Group Sdn. Bhd. Batu Caves Selangor. Halaman 465. ISBN 978-967-401-411-7.

Ilmu pedagogi adalah elemen penting yang perlu dikuasai oleh insan bergelar guru. Dalam erti kata lain, pedagogi merupakan sains dan seni cara mengajar di sesebuah institusi pendidikan seperti sekolah. Liputan pedagogi melibatkan kajian mengenai proses pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah, organisasi sekolah dan juga interaksi guru-pelajar. Bagi mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan khususnya pengajaran dan pembelajaran, ilmu pedagogi adalah satu kemestian sebagai panduan menajamkan lagi kemahiran penyampaian pengajaran.

Buku ini merupakan salah satu bahan rujukan dan panduan yang baik kepada insan yang bakal bergelar guru kerana di dalamnya dimuatkan dengan komponen teori dan praktikal proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala bagi guru yang lebih senior, buku ini hadir sebagai panduan mengimbas kembali amalan pengajaran dan pembelajaran seterusnya ke arah menambah baik amalan tersebut. Buku ini mengambil masa selama lima tahun untuk dihasilkan. Penulis telah melakukan kajian yang teliti dengan mengumpulkan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran daripada pelbagai sumber. Terdapat 10 bab di dalam buku ini yang membincangkan secara terperinci seni pengajaran dan teori-teori pengajaran dan pembelajaran bagi memudahkan kefahaman pembaca.

Fokus utama buku ini ialah menghuraikan pelbagai pendekatan, model dan strategi pengajaran dan pembelajaran berpandukan literatur yang mantap. Melalui bahasa yang mudah dan ringkas, penulis menghuraikan intipati setiap bab dengan jelas dan teratur agar dapat difahami oleh pembaca khususnya para guru. Ia adalah hasrat utama penulis agar para guru dapat memartabatkan lagi kaedah penyampaian pengajaran dalam bidang masing-masing. Seiring dengan judulnya -guru sebagai pakar- buku ini merupakan satu usaha ke arah mentransformasikan proses pengajaran dan pembelajaran kepada yang rutin kepada suatu aktiviti yang memberangsangkan bagi guru dan pelajar.

Sebagai seorang guru yang berpengalaman luas, penulis telah memulakan bab pertama dengan mengajak pembaca mengimbas sejarah awal pendidikan formal di dalam dan luar negara Malaysia. Sejarah awal ini dapat membuka minda pembaca berkaitan evolusi profesion keguruan di Malaysia yang sentiasa menuju kepada peningkatan yang lebih baik. Selain itu, para guru diajak memahami secara mendalam profesion keguruan yang meliputi tanggungjawab sebagai guru dan kepentingan memiliki seni pengajaran yang tinggi. Istilah pedagogi dikembangkan huraianya kepada perincian yang lebih jelas meliputi pelbagai terminologi yang sering digunakan dalam pengajaran iaitu orientasi, model, pendekatan, strategi, kemahiran, teknik dan aktiviti.

Semua terminologi pedagogi dihurai dengan baik beserta contoh yang jelas. Perbezaan makna pengajaran dan pembelajaran juga dijelaskan bagi membezakan proses yang berlaku di antara guru-pelajar. Secara keseluruhannya, intipati utama yang ingin disampaikan melalui bab permulaan ini ialah peri pentingnya seorang yang bergelar guru dan sentiasa meningkatkan profesionalisme keguruannya seiring dengan keperluan dan tuntutan pendidikan semasa.

Penulis seterusnya mula mengetengahkan topik pengajaran melalui bab kedua iaitu pengajaran berkesan. Olahan yang disampaikan oleh penulis adalah menarik dengan menghuraikan hasil-hasil kajian dan penemuan bidang sains yang berkaitan fungsi otak manusia. Melalui huraian yang dinukilkan, guru disarankan supaya memahami cara otak manusia belajar sehingga mampu memahami bagaimana pelajar belajar di dalam bilik darjah. Sehubungan itu, guru akan lebih mengetahui kecenderungan pelajar untuk belajar di samping menggunakan pendekatan pengajaran yang seiring dengan situasi pelajar.

Memahami gaya pembelajaran pelajar merupakan antara kunci kejayaan pengajaran seorang guru. Hal ini kerana setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Penulis secara terperinci menerangkan melalui bahasa yang mudah difahami definisi gaya pembelajaran seorang individu. Oleh itu, guru amat perlu memahami proses dalaman ini dalam diri pelajar. Terdapat satu teori dan empat model utama dalam gaya pembelajaran yang dikongsikan oleh penulis iaitu Teori kecerdasan pelbagai Gardner, Model Dunn dan Dunn, Model Kolb dan Model VARK. Setiap satu bagi teori dan model tersebut diperincikan dengan contoh yang lengkap bagi dijadikan panduan oleh bakal guru mahupun guru yang telah lama berkhidmat.

Bagi memantapkan lagi persiapan tugas pengajaran guru, penulis seterusnya menghuraikan model-model pengajaran berkesan iaitu Model Cooper, Danielson, Marzano dan Model Piawai Teras Pengajaran dari Amerika Syarikat dan SKPMg2. Dengan adanya panduan daripada model-model pengajaran yang dihuraikan, adalah diharapkan agar tahap kemahiran profesionalisme guru menggunakan teknik-teknik pengajaran terkini dapat dipertingkatkan. Penguasaan guru terhadap ilmu pedagogi ketika menyampaikan pengajaran memberi kesan pembelajaran pelajar. Penulis turut menukilkan bahawa guru yang berkesan adalah guru yang mampu menghasilkan pembelajaran yang dihasratkan.

Panduan penulis kepada insan yang bergelar guru seterusnya tertumpu kepada teori-teori dan orientasi utama pengajaran dan pembelajaran. Terdapat lima teori pembelajaran utama yang dihuraikan melalui sorotan sejarah pengasas dan definisinya. Teori yang difokuskan ialah teori behavioris, kognitif, pembelajaran sosial konstruktivis dan humanistik. Penulis secara jelas menyatakan bahawa teori-teori yang lain tidak disebut secara nyata namun diterapkan dalam perbincangan teori utama tersebut.

Seiring dengan pengenalan lima teori utama pembelajaran, satu kerangka pengajaran telah dikongsikan oleh penulis. Kerangka ini diubah suai daripada kerangka Joyce, Weil dan Calhoun (2004) bagi menjelaskan pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dalam bilik darjah. Kerangka ini membentuk empat orientasi pengajaran dan pembelajaran iaitu behavioris (teori perubahan tingkah laku), kognitif (teori pemprosesan maklumat), sosio-konstruktivis (gabungan teori interaksi sosial dan konstruktivis) dan humanistik (teori sumber sendiri). Melalui kerangka ini, penulis telah menjelaskan strategi-strategi pengajaran yang berpusatkan guru dan pelajar. Turut dibincangkan ialah bentuk penyampaian pengajaran guru secara individu, bersama dan berpasukan dari segi corak dan permasalahan ketika pengajaran dijalankan. Selain itu, penulis juga membincangkan pemilihan strategi pengajaran yang turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan kumpulan sasaran (audien). Isi kandungan bab keempat buku ini sarat dengan tunjuk cara aktiviti pengajaran yang boleh dipraktikkan oleh guru. Setiap satu subtopik diperincikan dalam bentuk jadual dan mudah difahami oleh pembaca. Ini menunjukkan bahawa penulis merupakan pendidik yang amat berpengalaman

dalam bidangnya dan sentiasa mengkaji keperluan pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan oleh guru dan pelajar.

Pada bab kelima hingga kesepuluh, penulis memperincikan setiap teori pengajaran dan pembelajaran iaitu teori behavioris, kognitif, pembelajaran sosial, konstruktivis dan humanistik. Malah setiap teori diikuti dengan model pengajaran dan pembelajaran yang mampu membimbing para guru mempraktikkannya ketika di dalam bilik darjah. Panduan diberikan satu persatu bagi setiap teori dan model. Pendek kata, buku ini boleh digunakan sebagai salah satu buku asas panduan pengajaran bagi bakal guru dan guru sedia ada yang sedang berkhidmat.

Bermula dengan teori dan strategi behavioris iaitu pengajaran yang berpusatkan guru, terdapat pelbagai cara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang dihuraikan. Terdapat enam model dan strategi pengajaran yang dijelaskan dalam teori ini. Antaranya kuliah, latih tubi, Prosedur Cloze, pembelajaran masteri, tunjuk cara dan simulasi. Setiap perbincangan dijelaskan tujuan, limitasi dan aktiviti pelaksanaannya. Lampiran contoh aktiviti dan latihan juga disediakan. Manakala bagi teori dan strategi pengajaran dalam orientasi kognitif, penulis juga menghuraikan enam model iaitu model pengatur awal, penghafalan, *synectics*, Latihan inkuiri, penggunaan data dan pemerolehan konsep. Huraian disertai dengan jadual dan gambar rajah yang boleh menambahkan lagi kefahaman pembaca cara bagaimana pelaksanaan setiap model. Pengisian huraian yang dikemukakan oleh penulis dapat membimbing pembaca mengikuti langkah demi langkah pelaksanaan proses pengajaran berdasarkan setiap teori.

Model pengajaran bagi teori dan strategi sosio-konstruktivis pula membincangkan lapan cara pelaksanaannya. Penulis memilih wawancara, sumbangsaran, perbincangan, seminat sokratik, kontroversi berstruktur, inkuiri juriprudential, perbahasan dan main peranan. Teori ini mengenengahkan kebolehan pelajar dan mewujudkan sikap saling membantu dan bekerjasama antara sesama pelajar dan guru sebagai fasilitator. Di samping itu, guru akan cuba membina dan mengaitkan pengajaran dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada pelajar bagi mempelajari sesuatu.

Pada bab kesembilan buku ini, penulis telah menghuraikan perincian model koperatif dan kolaboratif yang bersandarkan teori sosio konstruktivis. Seiring dengan judul buku ini strategi pengajaran abad ke-21, model ini sering dirujuk sebagai model pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 kerana menjurus kepada pembelajaran berpusatkan pelajar dan penglibatan aktif pelajar. Penulis memulakan bab ini dengan menjelaskan definisi minima perbezaan antara koperatif dan kolaboratif dari segi literatur. Namun begitu, penulis menegaskan bahawa maksud pembelajaran koperatif dan kolaboratif akan disatukan dalam huraianya iaitu dengan maksud kerjasama dan saling membantu.

Bab ini memberi bimbingan kepada guru cara dan gaya pelaksanaan model pengajaran dan pembelajaran koperatif dan kolaboratif. Ia bermula dengan persediaan awal pelaksanaannya yang dibahagikan kepada lima fasa. Fasa-fasa tersebut memfokuskan kepada pembentukan kumpulan, saiz ahli kumpulan, cara kerja kumpulan dan mengurus cabaran bekerja dalam kumpulan. Sesi memperkenalkan diri adalah amat penting antara guru dan pelajar juga dalam kalangan ahli kumpulan pelajar selain penetapan garis panduan bekerja dalam kumpulan. Seterusnya penulis menyediakan lapan variasi strategi model ini beserta contoh aktiviti. Setiap strategi yang dihuraikan diiringi dua hingga lima belas aktiviti lengkap bagi panduan kepada guru sebagai pembimbing atau fasilitator. Hal ini kerana model koperatif dan kolaboratif

mengutamakan pelajar sebagai pelaksana aktiviti. Sebagai perbandingan dengan pengajaran model yang lain, model ini lebih menelan masa guru dan pelajar. Penulis turut mengingatkan para guru bahawa objektif pelaksanaan model ini tidak dapat dicapai sekiranya guru tidak dapat mengawal disiplin dan perlakuan pelajar. Model ini kurang sesuai dilaksanakan untuk pelajar yang bermasalah disiplin dan tidak mahu mengikuti arahan guru. Oleh itu, guru disarankan agar lebih fleksibel ketika memilih strategi pengajaran dan boleh menggabungkan jalin strategi-strategi pengajaran yang lain.

Menyedari kekangan ini, penulis telah menyediakan susunan cadangan yang boleh menjadi panduan kepada para guru. Tiga cadangan yang dianjurkan bermula dengan aspek pembentukan kumpulan, tanggungjawab setiap ahli kumpulan, saiz lokasi pembelajaran yang mengaplikasikan model ini dan cara komunikasi bukan verbal guru kepada pelajar. Ini adalah sisi yang menarik di dalam buku ini kerana setiap cadangan disertai contoh dan tindakan yang perlu diaplikasi oleh guru.

Bab kesepuluh merupakan bab terakhir buku ini yang menghuraikan teori dan strategi-strategi humanistik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teori humanistik mempunyai fokus yang hampir menyamai teori sosial konstruktivis iaitu berfokus kepada potensi sendiri manusia. Kedua-dua teori adalah amat bertentangan dengan teori behavioris yang berpusatkan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Teori humanistik menyasarkan guru sebagai fasilitator dan pendorong kepada pelajar. Ini dapat menghasilkan pelajar yang dapat mencapai pembelajaran sendiri melalui pengetahuan sedia ada dan pengalaman baharu. Guru menggalakkan pelajar mencari maklumat secara sendiri dengan cara mengakses sumber maklumat tanpa halangan.

Walau bagaimanapun, penulis menegaskan bahawa guru perlu memantau pelajarannya melalui aktiviti kerja rumah, bacaan bebas, pembelajaran bebas, kontrak pembelajaran dan jurnal pembelajaran. Pelajar perlu dipandu oleh guru di peringkat awal bagi memahami cara gaya pengajaran berasaskan teori ini dilaksanakan. Selain itu, pelaksanaannya amat perlu kepada bahan sokongan pembelajaran yang sesuai, buku-buku, bahan rujukan, komputer, peranti pintar dan akses internet dan kesesuaian masa pelajar. Tidak dinafikan ia adalah satu kekangan bagi mereka yang berstatus sosioekonomi yang rendah. Namun begitu, pihak sekolah perlu menyedari hal ini dan membantu sedaya mungkin.

Sebagaimana teori-teori sebelum ini dihuraikan, penulis menghuraikan lima model pengajaran dan pembelajaran bagi teori humanistik. Lima model tersebut ialah model pengajaran tanpa arah, model pengajaran pandu sendiri, andragogi, jurnal pembelajaran dan mengajar dengan teknologi. Model pengajaran dengan teknologi dilihat amat seiring dengan strategi pengajaran abad ke-21 ini. Justeru penulis menyenaraikan semaksimum mungkin aplikasi, laman web dan aktiviti yang bersesuaian dengan topik yang diajar oleh guru. Maklumat ini amat berguna kepada semua guru yang kini berdepan dengan cabaran pengajaran dan pembelajaran era globalisasi yang menuntut kepada kebolehan menggunakan teknologi ketika pengajaran dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, buku ini hadir bertepatan dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 bagi membantu persiapan bakal guru memahami profesionalisme keguruan. Penulis buku ini yang berpengalaman luas dalam bidang pengajaran dan pembelajaran telah secara khusus menghuraikan teori pengajaran dan pembelajaran, model, strategi dan aktiviti dalam setiap bab. Di samping bimbingan dan penerangan yang teliti untuk

mempersiapkan diri sebagai guru, penulis pada masa yang sama turut menyatakan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh seorang guru dalam proses penyampaian ilmu kepada pelajar. Ia menambahkan lagi keberkesanan persiapan mental dan fizikal seorang guru selain persiapan ilmu menguasai pengajaran dan pembelajaran yang dikongsikan dalam buku ini.

Bahasa yang digunakan oleh penulis adalah mudah mudah difahami selain menggambarkan sesi proses pengajaran dan pembelajaran langkah demi langkah yang mudah diikuti. Setiap awal bab dinukilkan kata-kata hikmat daripada individu terkenal seperti Barrack Obama, Malala Yousafzai, Benjamin Franklin dan lain-lain lagi. Manakala di akhir setiap bab terdapat renungan dan rumusan sebagai penutup bab. Buku ini juga dilengkapi dengan indeks subjek dan senarai bibliografi mengikut gaya APA lengkap. Walau bagaimanapun saiz fon tulisan agak kecil dan saiz perenggan juga agak hampir antara satu sama lain.

Adalah diharapkan pada masa akan datang, ada penghasilan buku seumpama ini dengan menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran mengikut bidang atau subjek khusus. Hal ini kerana proses tersebut adalah berterusan sentiasa perlukan kepada penambahbaikan dari masa ke semasa. Tidak dinafikan bahawa kini terdapat banyak bahan rujukan pengajaran dan pembelajaran di internet yang boleh dicapai melalui pelbagai laman web. Namun begitu bahan rujukan bercetak dan dibukukan seperti buku ini masih amat relevan sebagai bahan rujukan. Justeru buku ini amat digalakkan kepada mereka yang ingin menjadi guru pakar dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya pada masa kini yang kian mencabar. Insan yang bergelar guru dan terlibat dengan mendidik anak bangsa perlu sentiasa memperbaharui ilmu dan kemahiran dalam pengajaran. Oleh itu, adunan maklumat teori terdahulu dan model pengajaran terkini di dalam buku ini sedia membantu meningkatkan mutu pengajaran seorang bakal guru mahupun guru yang sedang berkhidmat.

**Hairun Najuwah Jamali**

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)